



## SOALAN LAZIM (FAQ) SKIM PEMBIAYAAN INDUSTRI SUKAN

### PERTANYAAN UMUM

#### 1. Apakah itu Skim Pembiayaan Industri Sukan?

Skim ini merupakan inisiatif kolaboratif di antara Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyediakan pembiayaan mudah sebagai usaha pengupayaan bagi pemain industri sukan dan rekreasi terutamanya operator/ pengusaha premis komersial untuk bangkit semula pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

#### 2. Berapakah peruntukan yang diberikan kerajaan bagi menjayakan inisiatif Skim Pembiayaan Industri Sukan?

Sebanyak RM20 juta diperuntukan bagi pelaksanaan skim ini menerusi pengumuman Belanjawan 2021 pada 6 November 2020 oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz

#### 3. Apakah rasional pelaksanaan Skim Pembiayaan Industri Sukan?

Rasional pelaksanaan skim ini adalah seperti berikut:

BIL	RASIONAL
1.	Membantu meringankan impak dan beban pengusaha fasiliti sukan yang terkesan dengan memberikan sinergi baharu melalui bantuan dana pembiayaan pengurusan fasiliti komersial.
2.	Meningkatkan tahap ketersediaan ( <i>readiness</i> ) memulakan perniagaan dan menstabilkan semula perniagaan yang terjejas ekoran wabak pandemik Covid-19.
3.	Memperkasakan sektor swasta dalam memberi perkhidmatan kesukan kepada masyarakat selaras hasrat kerajaan bagi memastikan pembudayaan sukan sentiasa berkembang.
4.	Seiring fokus KBS pada tahun 2021 untuk memajukan ekonomi negara menerusi pemerksaan pembangunan industri sukan.
5.	Selari dengan model baharu yang bakal diperkenalkan oleh KBS iaitu gelembung sukan ( <i>sports bubble</i> ) seterusnya sebagai pemangkin dalam mengaktifkan semula industri sukan negara.
6.	Menjalinkan kerjasama strategik antara sektor kerajaan melalui perkongsian dan pengintegrasian sumber.

## **MAKLUMAT PERMOHONAN**

### **4. Bagaimanakah cara untuk memohon Skim Pembiayaan Industri Sukan?**

Skim ini boleh dimohon secara dalam talian menerusi agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) iaitu TEKUN Nasional dan Bank Rakyat. Pautan permohonan adalah seperti berikut:

BIL	AGENSI	PAUTAN
1.	TEKUN Nasional	<a href="https://tekunfin.tekun.gov.my">https://tekunfin.tekun.gov.my</a>
2.	Bank Rakyat	<a href="http://www.bankrakyat.com.my">www.bankrakyat.com.my</a>

Selain itu, pemohon berkelayakan juga boleh mengunjungi cawangan TEKUN Nasional dan Bank Rakyat berhampiran bagi memohon. Senarai cawangan boleh dirujuk di portal rasmi kedua-dua agensi tersebut.

#### 5. Apakah kriteria dan maklumat asas Skim Pembiayaan Industri Sukan?

Kriteria dan maklumat asas adalah seperti berikut:

SKIM PEMBIAYAAN INDUSTRI SUKAN		
	TEKUN Nasional	Bank Rakyat
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>	Minima: RM1,000.00 Maksima: RM100,000.00	Minima: RM20,000.00 Maksima: RM500,000.00
<b>KADAR PEMBIAYAAN</b>	4% setahun	4% setahun
<b>KELAYAKAN PERMOHONAN</b>	<b>Bumiputera/ masyarakat India</b> yang mempunyai modal berbayar <b>tidak melebihi RM300,000.00</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Bumiputera/ bukan Bumiputera</b> yang mempunyai modal berbayar <b>melebihi RM300,000.00</b></li> <li>• <b>Bukan Bumiputera</b> yang mempunyai modal berbayar <b>tidak melebihi RM300,000.00</b></li> </ul>

*\*Syarat dan kriteria permohonan terperinci boleh dirujuk di portal TEKUN Nasional dan Bank Rakyat*

#### 6. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan maklumat tambahan seperti dokumen sokongan dan sebagainya?

Maklumat tersebut dapat diakses secara dalam talian di pautan berikut:

BIL	AGENSI	PAUTAN
1.	TEKUN Nasional	<a href="http://www.tekun.gov.my">www.tekun.gov.my</a>
2.	Bank Rakyat	<a href="http://www.bankrakyat.com.my">www.bankrakyat.com.my</a>

## **MAKLUMAT PERHUBUNGAN**

### **7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat mengenai Skim Pembiayaan Industri Sukan?**

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenai Skim Pembiayaan Industri Sukan seperti berikut:

AGENSI	NOMBOR TELEFON	EMEL	PORTAL
<b>KBS</b>	03-8871 3598	sopsportrec@kbs.gov.my	<a href="http://www.kbs.gov.my/skim-pembiayaan-industri-sukan/255-skim-pembiayaan-industri-sukan/4875-link-permohonan.html">http://www.kbs.gov.my/skim-pembiayaan-industri-sukan/255-skim-pembiayaan-industri-sukan/4875-link-permohonan.html</a>
<b>TEKUN Nasional</b>	03-9059 8888	mailbox@tekun.gov.my	<a href="https://www.tekun.gov.my/en/">https://www.tekun.gov.my/en/</a>
<b>Bank Rakyat</b>	1-300-80- 5454	qr2e@bankrakyat.com.my	<a href="http://www.bankrakyat.com.my">www.bankrakyat.com.my</a>

**DIKELUARKAN OLEH:**

**KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA**

**16 Mac 2021**

*\*Tertakluk kepada perubahan, terma dan syarat.*